KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPN PAHANG			

HM 2.12.2021_8



AKTIVITI menanam 120 pokok spesies gerok dilakukan di kawasan yang diceroboh di Hutan Simpan Batu Gangan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

CEROBOH HUTAN SIMPAN BATU GANGAN

Penceroboh tanam lobak

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Cameron Highlands

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands mengesan kegiatan menceroboh Hutan Simpan Batu Gangan, di sini, untuk aktiviti pertanian di tanah seluas lebih 0.25 hektar.

Pegawai PHD Cameron Highlands, Arifhadi Johari Affandi berkata, kawasan berkenaan diusahakan dengan tanaman lobak putih dan dipercayai dilakukan oleh beberapa individu.

Katanya, aktiviti pertanian di kawasan terbabit masih baharu dilakukan kerana saiz pokok lobak putih yang ditanam masih kecil dipercayai berusia satu hingga dua bulan.

"Ketika pemeriksaan dilakukan di kawasan terbabit kami tidak menemui individu yang mengusahakan projek pertanian secara haram itu. Kegiatan dipercayai dilakukan warga asing dan mereka sudah mengesan kehadiran kakitangan PHD Cameron Highlands.

"Kawasan berkenaan terletak berhampiran kawasan pertanian milik tanah kerajaan yang diusahakan dengan pelbagai jenis tanaman sayur," katanya.

Beliau berkata, usaha memulihkan kawasan berkenaan segera dilakukan dengan menanam lebih 120 pokok spesies gerok, aktiviti menanam dilakukan lebih 50 peserta program seminar penilaian ekonomi dan bayaran perkhidmatan ekosistem Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Katanya, program pemulihan hutan dan aktiviti menanam semula pokok di kawasan ceroboh di Cameron Highlands dilakukan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat dengan kerjasama PHD Cameron Highlands.

Katanya, aktiviti menanam semula kawasan ceroboh di daerah ini dilakukan secara berterusan sejak beberapa tahun lalu, antara kawasan ceroboh terbesar ialah Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Ichat seluas 121 hektar.

"Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sudah menanam secara berperingkat beberapa spesies pokok seperti Damar Minyak, Meranti Rambai Daun dan Merawan Siput Jantan.

"Program menghijaukan semula kawasan ceroboh perlu dilakukan bagi memastikan kawasan berkenaan terus terpelihara, seterusnya mengelak berlaku banjir lumpur dan hakisan," katanya.